

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN

<b><u>Penganjur:</u></b>	F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 196201000082(4594-A))
<b><u>Peraduan:</u></b>	100PLUS x TikTok #PastiStediChallenge
<b><u>Tempoh Peraduan:</u></b>	Peraduan bermula dari 00:00:00, 10/03/2024 dan berakhir pada 23:59:59, 20/04/2024 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
<b><u>Kelayakan:</u></b>	Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk individu yang sah di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan.
<b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Untuk menyertai Peraduan ini, peserta dikehendaki merakamkan video dan memuat naik ke platform TikTok dengan syarat-syarat berikut:  Langkah 1: Rakamkan isyarat jari Cabaran #PastiStedi anda di TikTok Langkah 2: Jangan lupa, buat kreatif2 tau &amp; buktikan tahap stedi! Langkah 3: Tag 3 rakan di TikTok Langkah 4: Tag @my100plus &amp; sertakan #PastiStediChallenge</li><li>2. Akaun TikTok yang digunakan untuk penyertaan Peraduan ini mesti ditetapkan kepada awam sepanjang tempoh pertandingan untuk layak menyertai pertandingan.</li><li>3. Peserta dibenarkan menghantar penyertaan berganda.</li></ol>
<b><u>Penghantaran Penyertaan:</u></b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur berhak secara mutlak untuk membatalkan penyertaan yang tidak lengkap dan/atau dengan gambar/imej yang tidak jelas dan tidak boleh dibaca, dan/atau Penyertaan yang lewat diterima (iaitu penyertaan yang diterima selepas 23:59:59, 20/04/2023) tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak.</li><li>2. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma &amp; Syarat Peraduan.</li></ol>
<b><u>Peluang Kemenangan:</u></b>	600 pemenang akan diumumkan dari 1 April 2024 – 6 May 2024.  Fasa 1 - 200 pemenang terpilih akan diumumkan pada 8 April 2024 Pemenang dari Minggu 1: 10 Mac – 16 Mac 2024 Pemenang dari Minggu 2: 17 Mac – 23 Mac 2024

	<p>Fasa 2 - 200 pemenang terpilih akan diumumkan pada 22 April 2024  Pemenang dari Minggu 3: 24 Mac – 30 Mac 2024  Pemenang dari Minggu 4: 31 Mac – 6 April 2024</p> <p>Fasa 3 - 200 pemenang terpilih akan diumumkan pada 6 May 2024  Pemenang dari Minggu 5: 7 April – 13 April 2024  Pemenang dari Minggu 6: 14 April – 20 April 2024</p>
<b><u>Hadiah Mingguan:</u></b>	100 karton setiap minggu (setiap karton = 24 x 325ml tin 100PLUS, sebarang rasa) (Jumlah: 6 minggu)
<b><u>Pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan:</u></b>	<p>Peserta yang paling stedi dan kreatif akan menang satu kanton 100PLUS (satu kanton = 325ml x 24 tin 100PLUS, sebarang rasa). Jadilah antara 600 pemenang terpilih. Pemenang akan diumumkan dalam 3 fasa:</p> <p>Fasa 1 - 200 pemenang terpilih akan diumumkan pada 8 April 2024</p> <p>Fasa 2 - 200 pemenang terpilih akan diumumkan pada 22 April 2024</p> <p>Fasa 3 - 200 pemenang terpilih akan diumumkan pada 6 May 2024</p>
<b><u>Penebusan Hadiah:</u></b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak Penganjur akan menghubungi semua pemenang melalui akaun TikTok.</li> <li>2. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.</li> <li>3. Pemenang mesti membekalkan butiran peribadi seperti Nama Penuh seperti di MyKad, nombor MyKad, alamat penghantaran untuk pengesahan dan penebusan hadiah melalui akaun TikTok. Kegagalan untuk memberikan butiran peribadi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah.</li> <li>4. Sepanjang tempoh peraduan , setiap peserta hanya boleh memenangi 1(satu) hadiah sepanjang tempoh peraduan.</li> <li>5. Semua hadiah akan dihantar kepada Pemenang dalam tempoh 6 - 8 minggu dari tarikh pengumuman pemenang ke Alamat Penghantaran yang diberikan oleh Pemenang melalui akaun TikTok. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah fasal ini diatas sebab-sebab yang di luar kawalan Penganjur.</li> <li>6. Semua pemenang mesti mematuhi terma &amp; syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma &amp; Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah.</li> </ol>

	<p>7. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan di laman TikTok Penganjur di: <a href="https://www.tiktok.com/@my100plus? t=8kRVOA1able&amp; r=1 @my100plus">https://www.tiktok.com/@my100plus? t=8kRVOA1able&amp; r=1 @my100plus</a>, dan di laman microsite 100PLUS <a href="https://100plus.com.my/">https://100plus.com.my/</a>.</p>
<p><b><u>Tarikh Tamat Penyertaan:</u></b></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59, 20/04/2024. Mana-mana Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p><b><u>Liabiliti, Tanggungjawab dan Hak Penganjur:</u></b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma &amp; Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan.</li> <li>2. Penebusan hadiah bergantung kepada ketersediaan hadiah dan akan dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.</li> <li>3. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit, dengan barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan menerima sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah setelah hadiah diambil oleh pemenang.</li> <li>4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan (iaitu tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai yang dikenakan) yang terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.</li> <li>5. Semua Peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.</li> <li>6. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Peraduan, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.</li> <li>7. Penganjur berhak untuk menarik balik penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma &amp; Syarat Peraduan.</li> <li>8. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.</li> </ol>

	<p>9. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu.</p> <p>10. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya meminda Terma dan Syarat, yang ditetapkan di sini tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat semua Peserta Peraduan ini, dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan, mekanisme Peraduan, hadiah atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur bagi hadiah, Peraduan atau mana-mana bahagian daripadanya tidak akan melayakkan Peserta untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur (dalam bentuk tunai atau barangan) untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan.</p> <p>11. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p>
<p><b>Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:</b></p>	<p>1. Notis bertulis (“Notis”) ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&amp;N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&amp;N” atau “kami”). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&amp;N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendaki daripada anda dalam borang Peraduan ini. F&amp;N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&amp;N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).</p> <p>2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di <a href="mailto:pastistedichallenge@gazelle.com.my">pastistedichallenge@gazelle.com.my</a>. Sekiranya terdapat</p>

	ketidakteraturan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.
<b>Terma Lain:</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma &amp; Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma &amp; Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.</li><li>2. Terma &amp; Syarat Peraduan ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di laman microsite 100PLUS.</li><li>3. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi laman TikTok Penganjur di: <a href="https://vt.tiktok.com/ZSFD7buY9/">https://vt.tiktok.com/ZSFD7buY9/</a> dan di laman microsite 100PLUS.</li></ol>